

# Pemimpin perlu ubah pemikiran Melayu

13 AUG 2002

**K**UALA LUMPUR 31 Julai – Dilema baru yang dihadapi oleh orang Melayu berpunca daripada sikap segelintir pemimpin Melayu berpengaruh yang mencorakkan pemikiran kaum tersebut.

Tokoh akademik, Prof. Syed Hussein Al-Attas berkata, pemimpin Melayu yang memegang kuasa politik perlu mencorakkan semula pemikiran kaumnya supaya berada pada landasan sebenar.

Ini kerana, tegas beliau, sikap orang Melayu yang sentiasa mematuhi arahan pemimpinnya, mudah mengikut segala apa yang diperkatakan oleh ketuanya.

“Pemimpin Melayu perlu mengubah diri me-

reka terlebih dahulu dengan memberikan kepimpinan yang tepat dan betul,” katanya kepada *Utusan Malaysia* hari ini.

## Dilema

Beliau mengulas kebimbangan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad terhadap orang Melayu yang kini menghadapi dua dilema baru yang boleh melonggarkan penguasaan ekonomi dan politik mereka di negara ini.

Dr. Mahathir berkata, dilema yang melibatkan isu hak istimewa Melayu akan melemahkan ekonomi kaum itu manakala dilema pemilihan parti popular sebagai kerajaan menyebabkan pemerintahan negara diberikan kepada mereka yang tidak layak.

Mengulas lanjut, Syed Hussein tidak menafikan bahawa Melayu pada masa ini sedang menghadapi dilema yang berat.

Dilema tersebut, jelas beliau, tidak pernah hilang sejak era 1960-an dan 1970-an.

Beliau menarik perhatian, ketegangan politik orang Melayu perlu dikurangkan jika tidak mahu melihat demokrasi dibunuh oleh demokrasi.

Katanya, hanya pemimpin Melayu yang berfikir positif mampu mengubah pemikiran kaum Melayu seterusnya menghilangkan segala bentuk dilema yang bersarang dalam masyarakat itu.

Sehubungan itu, tegas beliau, para pemimpin Melayu perlu menilai se-

jauhmana peranan mereka dalam menggembleng kaumnya ke arah positif.

“Para pemimpin Melayu yang berkuasa perlu menilai sendiri corak kepimpinan mereka sama ada tindakan mereka itu mendidik bangsa atau sebaliknya,” katanya.

## Kemajuan

Bagaimanapun, menurut Syed Hussein, masyarakat Melayu telah menunjukkan kemajuan dalam beberapa aspek termasuk kerajinan dalam menjalankan pekerjaan.

Ditinjau dari sudut sejarah, beliau memberitahu, orang Melayu bukan masyarakat pemalas sebaliknya merupakan kaum yang rajin berusaha dan berfikir jauh.